



## **TEKS UCAPAN ALUAN**

**YBHG DATUK MOHAMMAD BIN MENTEK  
KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN  
KERAJAAN TEMPATAN**

**SEMPENA**

**MAJLIS PELANCARAN AGENDA PERBANDARAN BAHARU  
PUSAT KONVENSYEN KUALA LUMPUR (KLCC)  
24 OKTOBER 2017 SELASA 2.30 PETANG**

Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh dan Salam 1Malaysia.

Terima Kasih Saudara Pengacara Majlis

YB Tan Sri Noh Bin Haji Omar

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

YB Datuk Halimah Binti Mohamed Sadique

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan  
Tempatan

YBrs. Dr. Mary Wong Lai Lin

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan)

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

YBrs. Tuan Zamri bin Salleh

Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar)

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

YBrs. Tuan Khairul Dzaimie Bin Daud

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

YBrs Puan Norliza Hashim

Ketua Eksekutif

Urbanice Malaysia merangkap Pengerusi Majlis Pelancaran Agenda Perbandaran Baharu pada hari ini

Yang Berbahagia Ketua-ketua Perkhidmatan Kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan serta Negeri

Yang Berbahagia Datuk Bandar, Yang DiPertua, Presiden dan Pengerusi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

Yang Berbahagia Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia, Salam Negaraku Malaysia

1. Terlebih dahulu, pada petang yang berbahagia ini, saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinNya dapat kita berkumpul pada petang ini untuk menyaksikan Majlis Pelancaran Agenda Perbandaran Baharu pada hari ini.

2. Di kesempatan ini saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat, YB Tan Sri Noh Bin Haji Omar atas kesudian beliau melapangkan masa untuk merasmikan Majlis Pelancaran pada hari ini. Saya percaya kehadiran Yang Berhormat akan memberikan makna yang istimewa kepada semua tetamu dan jemputan yang hadir pada hari ini.
3. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan mengalu-alukan kehadiran Yang Berbahagia Datuk-Datuk Bandar, Yang DiPertua dan Presiden Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
4. Kita merasa amat bertuah kerana dapat menyaksikan satu lagi detik bersejarah dilangsungkan pada hari ini Majlis Pelancaran Agenda Perbandaran Baharu merupakan bukti komitmen Kerajaan yang tidak jemu untuk mempromosi dan menyebarkan dasar, program dan inisiatif kepada semua lapisan rakyat.
5. Majlis pelancaran pada hari ini merupakan antara program memperkenalkan dokumen Agenda Perbandaran Baharu oleh KPKT melalui Urbanice Malaysia kepada jabatan-jabatan persekutuan dan negeri serta pihak berkuasa tempatan yang merupakan agensi-agensi utama kerajaan dalam melaksanakan Agenda Perbandaran Baharu.

Yang Berhormat Tan Sri, Dato' - Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya kasihi sekalian,

6. Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan kerjasama PLANMalaysia – Jabatan

Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia melalui URBANICE MALAYSIA akan menganjurkan Forum Bandar Sedunia (World Urban Forum - WUF) ke 9 pada 7-13 Februari 2018 dengan Tema *Cities 2030 Cities for All: Implementing New Urban Agenda*.

7. Sebagai makluman, dokumen Agenda Perbandaran Baharu telah diterima (*adopted*) oleh 170 buah Negara Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu semasa persidangan Habitat III di Quito, Ecuador pada 20 Oktober 2016 yang lalu.
8. Kerajaan Malaysia melalui Kementerian ini telah membuat terjemahan ke dalam Bahasa Melayu dengan kerjasama *United Nations Human Settlements Programme* (UN-Habitat) selain daripada enam (6) bahasa utama sedia ada supaya dapat diterimapakai dalam konteks tempatan.
9. Selain Majlis Perlancongan pada hari ini, kita juga akan mengadakan satu sesi dialog Agenda Perbandaran Baharu bersama YB Tan Sri Noh bin Omar, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta CEO Urbanice Malaysia, Puan Norliza Hashim. Moderator sesi dialog ini akan dikendalikan oleh Pengacara TV Astro Awani Encik Kamarul Bahrin Haron.
10. Melalui sesi dialog ini kita dapat memahami dengan lebih jelas apa itu Agenda Perbandaran Baharu, kenapa agenda ini begitu penting kepada pembangunan negara dan bagaimana peranan agenda ini boleh mencorakkan pembangunan kemampuan perbandaran negara pada masa depan selaras dengan perubahan arus pembangunan global menjelang tahun 2030 atau melangkaui sehingga tahun 2050.

Yang Berhormat Tan Sri, Dato' - Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya kasihi sekalian,

11. Akhir kata, saya merakamkan ucapan terima kasih atas kesudian ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat, YB Tan Sri Noh Bin Haji Omar atas kesudian bersama-sama dengan kita pada hari ini bagi melancarkan Agenda Perbandaran Baharu dan sesi dialog pada hari ini
12. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak, sama ada dari jabatan-jabatan kerajaan persekutuan, negeri dan pihak berkuasa tempatan yang telah sama-sama membantu menjayakan program ini. Semoga kerjasama ini akan berterusan pada masa-masa yang akan datang.
13. Sekian, Wabillahitaufiq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi- Wabarakatuh. Terima Kasih.